

Format perundingan EAEC tidak akan diubah — PM

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, format Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak akan diubah semata-mata untuk memuaskan hati pihak-pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata, format tersebut pernah diubah dahulu tetapi ada pihak yang masih mengatakan ia tidak sesuai.

"Kita dah tukar format tersebut. Tetapi ia masih tetap tidak sesuai bagi mereka," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan perayaan Hari Keluarga Kebangsaan di Taman Tasik Perdana, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan dari Seoul, Korea yang menyebut Menteri Luar sebuah negara Asia sebagai berkata bahawa cadangan EAEC Malaysia mungkin diubahsuai dan digabungkan dengan beberapa cadangan lain pada Sidang Kemuncak ASEAN, Januari depan.

Mengenai tindakan sesetengah pihak yang mencemarkan nama Malaysia di mesyuarat peringkat menteri di Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Seoul, beliau berkata, negara ini tidak boleh berbuat apa-apa.

"Kita tidak boleh berbuat apa-apa. Mereka orang kuat sedangkan kita tak kuat. Kita terima sajalah," katanya.

Bagalmanapun, Perdana Menteri menegaskan Malaysia akan meneruskan pelaksanaan EAEC walaupun mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak bercadang menjadikan Hari Keluarga sebagai hari cuti

umum kerana banyak negara maju menjadi mundur akibat sifat suka cuti dan mengamalkan budaya tidak mahu bekerja.

Menurutnya, negara kaya sekalipun akan bankrap sekiranya terpaksa menanggung beban memberi makan kepada rakyat yang tidak mahu bekerja

seperti yang berlaku di beberapa buah negara yang terpaksa menanggung sepenuhnya 10 peratus daripada penduduknya.